

Online Tadarus Quran Tanpa Suara (Online TTS): Cabaran Komuniti OKU Pekak

Online Quranic Tadarus Without Voice: The Challenges of the Deaf Community

Siti Ramna Khamaruddin

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia
Konsortium Kecemerlangan Penyelidikan, Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum,
Universiti Sains Islam Malaysia

Nurul Asiah Fasehah Muhamad

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia
Konsortium Kecemerlangan Penyelidikan, Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum,
Universiti Sains Islam Malaysia

Norakyairee Mohd Raus

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia
Konsortium Kecemerlangan Penyelidikan, Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum,
Universiti Sains Islam Malaysia

Abstrak

Tadarus merupakan aktiviti pembacaan Quran secara berkelompok yang lazimnya dilakukan sewaktu bulan Ramadan. Walaupun Ramadan pada kali ini dalam musim pandemik, aktiviti ini masih giat diteruskan secara atas talian. Keadaan ini tidak berkecuali bagi komuniti OKU Pekak. Mengambil inspirasi untuk memberikan peluang dan ruang seluasnya bagi mereka turut serta berdamping dengan Quran, menggunakan kaedah yang meraikan kekuatan dan kelainan upaya belajar mereka, maka sebuah program tadarus secara atas talian iaitu Online Tadarus Tanpa Suara (Online TTS) telah dijalankan menggunakan platform Google Meets. Oleh yang demikian, kajian ini berhasrat untuk meneroka cabaran yang dihadapi oleh komuniti OKU Pekak dalam program tersebut. Metodologi yang digunakan ialah analisis dokumen dengan menganalisis laporan semasa setiap fasilitator pada setiap hari dan maklum balas yang diberikan melalui borang Google Form yang disediakan. Selain itu, pengkaji juga melakukan pemerhatian kepada setiap rakaman kelas Online TTS yang dilakukan pada setiap hari. Dapatkan kajian menunjukkan peserta mampu mengikuti sesi-sesi Online TTS dengan baik walaupun terdapat beberapa cabaran yang boleh dikategorikan kepada dua bahagian iaitu cabaran dalam dan luaran seperti kelemahan menguasai KTQ, masa dan capaian rangkaian internet. Walau bagaimanapun, diharapkan khidmat Quran ini mampu mendekatkan OKU Pekak dengan mukjizat al-Quran dengan meraikan kelainan upaya belajar komuniti ini berdasarkan kekuatan visual.

Article Progress
Received: 23 August 2021
Revised: 6 September 2021
Accepted: 20 September 2021

Kata kunci: Cabaran, Tadarus Quran, Tanpa Suara, OKU Pekak, Kod Tangan Quran

Abstract

Tadarus is a group Quran recitation activity that is usually done during the month of Ramadan. Although for the years 2020 and 2021, Ramadan falls in the pandemic season, this activity is still actively continuing online. The Deaf community also take part in this programme. Having the inspiration to provide the broadest possible opportunity and space for them to learn the Quran, using methods that celebrate their strengths and learning disabilities, an online tadarus program called Online Quranic Tadarus Without Voice (*Online Tadarus Tanpa Suara*) was conducted using the Google Meet platform. Therefore, this study intends to explore the challenges faced by the Deaf community in the program. The methodology used is document analysis by analysing the current report of each facilitator on a daily basis and the feedback provided through the Google Form. In addition, the researcher also made observations on each recording of the Online TTS class done daily. The findings of the study showed that participants were

able to follow the Online TTS session well. However, there are also some challenges, which can be categorised into two parts: internal and external challenges. These are: weaknesses in mastering Quran Hand Code, limitation of time, and internet network access. However, it is hoped that this Quran programme is able to bring the Deaf closer to the miracles of the Quran by celebrating the learning disabilities of this community based on visual strength.

Keywords: Challenges, Quranic *Tadarus*, Without Voice, Deaf, Quran Hand Code

1. PENDAHULUAN

Pendidikan al-Quran merupakan satu keperluan serta tuntutan bagi manusia yang bergelar Muslim sama ada bagi komuniti tipikal mahupun komuniti istimewa (Siti Ramna & Nurul Asiah, 2021; Norakyairee Mohd Raus, 2017 & Syar Meeze Mohd Rashid et al., 2017). Peluang seperti ini penting agar komuniti istimewa ini juga dapat menjadi Muslim yang mengamalkan ajaran agamanya dengan sempurna. Dalam konteks ini, sabda Rasulullah saw;

حَدَّثَنَا عَبْدُ الْمُلِكِ بْنُ عَمْرٍو حَدَّثَنَا عَلِيٌّ يَعْنِي أَبْنَ مُبَارِكٍ عَنْ يَحْيَى عَنْ زَيْدِ بْنِ سَلَامٍ قَالَ أَبُو ذَرٍّ، يَا رَسُولَ اللَّهِ مِنْ أَيْنَ أَتَصَدَّقُ وَلَيْسَ لَنَا أَمْوَالٌ قَالَ لَأَنَّ مِنْ أَبْوَابِ الصَّدَقَةِ التَّكْبِيرَ وَسُبْحَانَ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ وَتَأْمُرُ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَى عَنِ الْمُنْكَرِ وَتَعْزِيزُ الشَّوْكَةِ عَنْ طَرِيقِ النَّاسِ وَالْعَظْمِ وَالْحَجَرِ وَهُدُيِ الْأَعْمَى وَتُسَنِّعُ الْأَصَمَ وَالْأَبْكَمَ حَتَّى يَفْقَهَ وَتُنَدِّلُ الْمُسْتَدِلَّ عَلَى حَاجَةِ لَهُ قَدْ عَلِمْتَ مَكَاهَمَهَا وَتَسْعَى بِشِدَّةِ سَاقِيَّكَ إِلَى الْهَمَانِ الْمُسْتَعْيِثِ وَتَرْفَعُ بِشِدَّةِ ذَرَاعِيَّكَ مَعَ الضَّعِيفِ كُلُّ ذَلِكَ مِنْ أَبْوَابِ الصَّدَقَةِ مِنْكَ عَلَى نَفْسِكَ

Maksudnya: Telah menceritakan kepada kami Abdul Malik bin ‘Amru telah menceritakan kepada kami Ali iaitu Ibnu Mubarak dari Yahya dari Zaid bin Sallam dari Abi Sallam telah berkata Abu Zarr: Wahai Rasulullah dari mana aku hendak bersedekah sedangkan kami tidak memiliki harta? (Lalu Rasulullah menjelaskan) Baginda bersabda: Sesungguhnya antara (yang dinilai sebagai) pintu-pintu sedekah ialah bertakbir, mengucapkan “Subhanallah walhamdulillah, wa Lailaha illah, dan beristigfar, dan kamu menyuruh kebaikan dan mencegah kemungkaran, kamu mengasingkan duri (kayu yang menghalang) dari jalan atau tulang atau batu (yang menghalang di atas jalan), kamu membimbang orang buta (berjalan), dan kamu memerdengarkan (mendidik) orang yang pekak dan bisu sehingga mereka faham, kamu menunjukkan tempat (atau jalan) bagi orang yang sesat (atau memerlukan) ke suatu tempat yang kamu tahu, dan kamu membantu dengan penuh kesusahan buat mereka yang kehilangan yang meminta bantuan, dan kamu membantu orang-orang yang lemah (mengangkat barang), semua ini adalah pintu-pintu sedekah yang ada dirimu untuk dirimu....

(Hadīth.Musnad Ahmad:#21484)

Melalui hadis ini, Rasulullah saw telah menjelaskan kepada Saidina Abu Zar bahawa pintu-pintu untuk melakukan kebaikan itu sangat luas walaupun tidak mempunyai harta. Rasulullah saw telah mengubah pandangan kita dengan memberi satu sesi pandangan yang berbeza. Sumbangan bukan hanya melalui duit dan harta. Bahkan, melalui amalan kebaikan kita juga boleh menyumbang. Antara amalan kebaikan yang disebutkan oleh Rasulullah saw adalah memberikan pendidikan buat komuniti OKU. Sabda Rasulullah saw secara jelas;

وَتُسَنِّعُ الْأَصَمَ وَالْأَبْكَمَ حَتَّى يَفْقَهَ ...

“..dan kamu memerdengarkan (mendidik) orang yang pekak dan bisu sehingga mereka faham...”
Melalui potongan hadis ini, kita boleh perhatikan Rasulullah saw menggunakan lafaz tusmi’u

(شُمُّع) yang membawa maksud kamu memperdengarkan sedangkan kita tahu bahawa orang pekak adalah komuniti yang tidak mampu mendengar (Ahmad Sanusi,2021). Tetapi mereka boleh dididik melalui kelainan dan keupayaan mereka iaitu melalui bahasa isyarat. Medium komunikasi ini yang menjadi bahasa ibunda kepada komuniti pekak berfungsi sebagai jambatan untuk membantu mereka faham memahami tuntutan syariat sebagai seorang Muslim yang mukallaf (Ahmad Sanusi,2021).

Justeru, mengambil intipati daripada hadis ini, Sekretariat Sukarelawan Sahabat FAQEH (SaF@USIM) dengan kerjasama Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI), Institut Sains Islam, USIM, Yayasan Pendidikan al-Quran bagi Anak Istimewa (Yayasan FAQEH) dan Yayasan Maghfirah telah mengadakan Online Tadarus Tanpa Suara (Online TTS) kepada OKU Pekak Muslim melalui platform Google Meet. Seramai 105 orang yang terdiri daripada 48 pelajar OKU Pekak, 12 orang tenaga pengajar dan 45 orang fasilitator. Konsep Online TTS ini berlainan dengan program tadarus yang biasa dianjurkan. Ini kerana melihat kepada kelebihan dan keupayaan komuniti pekak yang mengalami masalah pendengaran dan kesukaran untuk bertutur dengan jelas, kaedah dengan cara membatangkan huruf (Rasm al-Quran) satu huruf demi satu huruf dengan menggunakan Kod Tangan Quran tanpa baris dan bunyi dijadikan salah satu kaedah untuk komuniti pekak ini membaca Quran. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti sejauh mana perjalanan Online TTS dapat mendekatkan komuniti istimewa ini dengan pembelajaran Quran. Diharapkan penganjuran program ini dapat diteruskan pada masa akan datang dalam memberi ruang dan peluang kepada mereka untuk berinteraksi dengan Quran dan mendapat petunjuk daripadanya melalui strategi, pendekatan, kaedah dan teknik yang berasaskan kekuatan dan kelainan upaya belajar mereka.

Konsep Online Tadarus Quran Tanpa Suara (Online TTS)


Berikutan pandemik Covid-19 yang berlaku di negara ini menjadikan sektor pendidikan berubah landskap metode pengajaran ke arah norma baharu khususnya secara maya. Namun, situasi ini tidak membataskan usaha untuk terus memberikan khidmat Quran dan Sunnah kepada OKU Pekak atau lebih dikenali sebagai OP.

Inisiatif kelab khidmat mahasiswa cakna OKU, Sekretariat Sahabat FAQEH USIM (SaF USIM) di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah telah menganjurkan Online Tadarus Tanpa Suara (Online TTS) semperna bulan Ramadan dengan dengan kerjasama Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum (UMMI), Institut Sains Islam, USIM, Yayasan Pendidikan al-Quran bagi Anak Istimewa (Yayasan FAQEH) dan Yayasan Maghfirah. Program ini sudah dua kali dijalankan pada tahun 2020 dan 2021 semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1.0 dan PKP 2.0.

Tujuan Online TTS dianjurkan adalah menawarkan ruang dan peluang bagi komuniti OKU Pekak bagi menyemarakkan penghayatan Ramadhan, bulan Quran dalam kalangan komuniti OKU Pekak di Malaysia. Dalam masa yang sama, melatih mahasiswa USIM cakna OKU khususnya dalam meningkatkan nilai tambah dan kemahiran pengajaran Quran bagi komuniti OKU Pekak dan meneroka impak pembelajaran atas talian terhadap komuniti OKU Pekak di Malaysia.

Online TTS mencetuskan pengalaman baharu buat komuniti OKU Pekak di Malaysia dalam mempelajari proses asas kemahiran Quran yang selama ini interaksi mereka bersama Quran banyak tertumpu kepada pembacaan terjemahan ayat al-Quran menggunakan Bahasa Isyarat. Online TTS meneroka dan meraikan kelainan upaya belajar komuniti ini berasaskan kekuatan visual. Kelainan pembelajaran komuniti istimewa ini diaplikasikan dalam membaca Quran dengan cara membaca Quran tanpa suara dengan mengisyaratkan (membatangkan) setiap huruf-huruf Quran (Rasm Uthmani) yang diwakili oleh Kod Tangan Quran. Dalam konteks Ilmu Rasm, pengecualian

diberikan kepada peranan titik dan hamzah bagi mengelak kekeliruan OP dalam mengenal pasti setiap bentuk huruf dan kedudukannya. Garis Panduan Kod Tangan Quran (KTQ) ini juga telah diluluskan oleh mesyuarat Panel Pakar Syariah (PPS) JAKIM kali ke-103. Berikut adalah asas KTQ yang digunakan untuk OKU Pekak membaca Quran tanpa baris dan bunyi.



Rajah 1: Asas Kod Tangan Quran (KTQ)

Pelaksanaan Online Tadarus Quran Tanpa Suara (Online TTS)

Online TTS yang dianjurkan oleh Sekretariat Sahabat FAQEH (SaF@USIM) yang merupakan sebuah Sekretariat pelajar berfokuskan kesukarelawanan dakwah OKU berlangsung setiap hari pada bulan Ramadan bermula jam 10.00 – 11.00 pagi dengan menggunakan platform Google Meet. Online TTS dibahagikan kepada dua sesi, sesi pertama (Talaqqi dan Mashafahah) dibimbing oleh seorang ustaz dan ustazah yang dilantik khusus. Manakala sesi kedua pula, fasilitator dalam kalangan tim SaF USIM dan alumni SaF USIM akan mengadakan sesi ulangkaji (Muroja'ah) yang dilaksanakan mengikut kesesuaian masa peserta OKU Pekak pada hari yang sama setiap hari.

Bagi sesi pertama, perkara yang ditekankan adalah adab-adab mempelajari Quran dan indeks surah yang akan dipelajari dari segi nama surah, muka surat, kedudukan surah, bilangan ayat, maksud nama surah dan tempat penurunan surah. Ini penting kerana peserta dapat mengenali latar belakang surah tersebut dan memberi gambaran yang jelas sebelum peserta dibimbing untuk membaca. Ini mengambil pendekatan daripada surah al-Qiyamah ayat 16 yang bermaksud;

“Janganlah kamu engkau (Muhammad) gerakkan lidahmu (untuk membaca Quran) kerana hendak cepat-cepat (menguasainya)”

Kemudian, peserta akan diterangkan setiap ayat Quran dalam surah yang dipelajari dari segi bilangan pecahan kalimah dalam ayat tersebut. Peserta akan dibimbing secara Talaqqi dan Mashafahah oleh tenaga pengajar dengan membatangkan huruf (Rasm al-Quran) satu huruf demi satu huruf dengan menggunakan Kod Tangan Quran sehingga habis. Semasa fasa ini, tenaga pengajar akan memberi penekanan bagi bentuk huruf yang hampir sama, keadaan bentuk huruf yang bersambung dan cara untuk mengenal pasti pecahan kalimah bagi setiap ayat. Dan pada akhir sesi ini, tenaga pengajar akan menceritakan maksud ayat yang telah dipelajari dan pengajaran yang boleh

diperolehi daripadanya. Ini juga mengambil pendekatan daripada surah al-Qiyamah ayat 19 yang bermaksud;

“Kemudian sesungguhnya Kami yang akan memperjelaskannya”.

Manakala sesi kedua pula, fasilitator dalam kalangan tim SaF USIM dan alumni SaF USIM akan mengadakan sesi ulangkaji (Muroja'ah) yang dilaksanakan mengikut kesesuaian masa peserta OKU Pekak pada hari yang sama setiap hari. Dalam sesi ini, fasilitator akan dibahagikan kepada beberapa kumpulan kecil untuk sesi ulangkaji. Setiap kumpulan terdiri daripada dua orang fasilitator dan dua orang peserta. Semasa sesi ini, penekanan surah diberikan berdasarkan tahap kemampuan dan keupayaan peserta. Pengenalan terhadap bentuk huruf yang hampir sama, keadaan bentuk huruf yang bersambung dan cara untuk mengenal pasti pecahan kalimah bagi setiap ayat akan ditekankan lagi secara mendalam. Berikut antara gambaran sesi pertama dan kedua semasa Online TTS;



Rajah 2: Sesi pertama (Talaqqi dan Mashafahah) Online TTS



Rajah 3: Sesi kedua (Muroja'ah) Online TTS

Oleh yang demikian, kajian ini membincangkan tentang cabaran-cabaran yang dihadapi oleh OKU Pekak semasa kelas Online TTS ini berlangsung. Bagi mendapatkan dapatan kajian, pengkaji

telah menganalisis laporan semasa setiap fasilitator pada setiap hari dan maklum balas yang diberikan melalui borang Google Form yang disediakan. Selain itu, pengkaji juga melakukan pemerhatian kepada setiap rakaman kelas Online TTS yang dilakukan pada setiap hari.

2. DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian menunjukkan terdapat beberapa cabaran dari segi dalaman dan luaran. Cabaran dalaman dari segi pengetahuan dan pengalaman peserta terhadap tilawah Quran. Manakala, cabaran luaran dari segi gangguan capaian internet, kekangan masa, dan kemahiran guru dan fasilitator. Pengkaji telah menganalisis dan menyusun dapatan kajian berdasarkan tema-tema yang diskopkan kepada enam cabaran utama iaitu kelemahan menguasai kemahiran Kod Tangan Quran (KTQ), penggunaan mashaf Quran yang berbeza, gangguan capaian internet, peranti yang terhad, kekangan masa dan kemahiran fasilitator.

1. Kelemahan menguasai kemahiran Kod Tangan Quran (KTQ)

Kelas Online TSS telah menggunakan asas KTQ sebagai medium bagi OKU Pekak dalam membaca Quran dengan cara membatangkan huruf (Rasm al-Quran) satu huruf demi satu huruf tanpa baris dan bunyi. Terdapat beberapa cabaran bagi peserta untuk menguasai KTQ ini.

1.1 Tidak mempunyai pengalaman mempelajari KTQ

Dalam kelas Online TTS, terdapat peserta yang tidak pernah didedahkan KTQ sebelum ini. Malahan, terdapat juga peserta yang baru mengenali bentuk huruf hijaiyyah. Kelas ini memberikan pengalaman baharu kepada peserta dalam mengenali asas huruf hijaiyyah dan KTQ untuk membaca Quran. Rentetan daripada itu, peserta agak sukar untuk mengenalpasti bentuk huruf KTQ di dalam Quran semasa sesi pertama dan kedua Online TTS berlangsung. Namun begitu, peserta tetap bersungguh-sungguh dan berminat ingin mempelajari KTQ dan menunjukkan pencapaian prestasi yang jauh lebih baik dari hari yang pertama.

1.2 Terlupa isyarat KTQ

Selepas sesi pertama iaitu Talaqqi dan Mashafahah Online TTS tamat, peserta akan mengulangkaji dengan fasilitator. Semasa sesi tersebut, terdapat juga dikalangan peserta yang lupa isyarat KTQ. Kebiasaannya mereka akan menunjukkan isyarat maaf kepada fasilitator kerana lupa isyarat huruf KTQ dan mereka akan menyemak semula dengan nota KTQ yang telah disediakan. Dan ada juga diantara mereka yang cuba meneka isyarat KTQ lain yang mereka ingat. Proses pembelajaran seperti ini sememangnya menguji tahap ingatan peserta terhadap KTQ dan bantuan fasilitator mengulang semula KTQ kepada peserta menguatkan lagi ingatan mereka terhadap KTQ.

1.3 Kekeliruan bentuk huruf hijaiyyah

Pendedahan bentuk KTQ kepada peserta membolehkan peserta mengetahui bentuk huruf hijaiyyah secara tunggal. Akan tetapi, peserta menjadi keliru apabila mula mempelajari ayat Quran yang bersambung kerana bentuk dan kedudukan huruf asal telah berubah samaada diawal, ditengah dan dihujung. Melalui pemerhatian, antara huruf hijaiyyah yang mereka selalu keliru seperti di bawah;

1.3.1 Keliru antara huruf Alif (ا) atau Lam (ل)

Keliru samaada huruf Alif (ا) atau Lam (ل) apabila bersambung. Seperti kalimah ^{أَلْوَسْوَاسِ} dalam surah an-Nas ayat 4. Mereka menyangka huruf Alif boleh bersambung dengan huruf yang selepasnya.

1.3.2 Keliru antara huruf Hamzah atas Alif (ܑ) atau Hamzah bawah Alif (ܒ)

Keliru antara Hamzah atas Alif (ܑ) dan Hamzah bawah Alif (ܒ). Melalui pemerhatian dan laporan fasilitator, kekeliruan ini disebabkan ada sebahagian peserta yang menggunakan Quran Majid di mana cara penulisannya menggunakan huruf Alif (ܑ) tanpa memberi tanda Hamzah (ܑ). Selain itu, ada juga diantara mereka yang keliru seperti mahu isyarat huruf Alif (ܑ) atau Hamzah (ܑ) seperti contoh dalam pada kalimah ﴿إِيَّاكَ نَعْمَلُ﴾ dalam surah al-Fatihah ayat 5 dan kalimah ﴿أَنْعَمْتَ﴾ pada ayat 7.

1.3.3 Keliru dengan Alif Mamdudah (ܑ)

Keliru dengan bentuk Alif Mamdudah (ܑ) sama ada perlu untuk mengisyarat bentuk mad panjang atau tidak. Berdasarkan laporan, fasilitator menerangkan kelas Online TTS ini hanya membaca Quran dengan cara membaca Quran tanpa suara dengan mengisyaratkan (membatangkan) setiap huruf-huruf Quran (Rasm Uthmani) yang diwakili oleh KTQ. Dalam konteks Ilmu Rasm, pengecualian diberikan kepada peranan titik dan hamzah bagi mengelak kekeliruan OP dalam mengenal pasti setiap bentuk huruf dan kedudukannya. Tambahan, kaedah tilawah KTQ ini tidak melibatkan baris dan bunyi.

1.3.4 Keliru dengan huruf Ta Marbutoh (܏)

Keliru dengan bentuk huruf Ta Marbutoh (܏) pada hujung kalimah. Seperti pada kalimah ﴿أَخْطَلَهُ﴾ dalam surah al-Humazah ayat 5 dengan kalimah ﴿الْمُوقَدَةُ﴾ pada ayat 6. Sebahagian peserta ada yang tidak menyangka kedua-dua bentuk huruf ini adalah dari huruf yang sama.

1.3.5 Keliru dengan huruf Ha (݂)

Kekeliruan ini juga melibatkan huruf Ha (݂) yang mempunyai bentuk yang sama seperti huruf Ta Marbutoh (܏) pada hujung kalimah. Contohnya, kalimah ﴿مَالَّهُ وَ أَخْلَدَهُ﴾ dalam surah al-Humazah pada ayat 3. Sebahagian peserta ada yang tidak menyangka kedua-dua bentuk huruf ini adalah dari huruf yang sama. Selain itu, terdapat peserta yang keliru dengan bentuk huruf Ha (݂) apabila bersambung di bahagian tengah. Contohnya pada kalimah ﴿سَاهُونَ وَ صَلَاتِهِ﴾ pada ayat kelima dalam surah al-Maun. Kepelbagai bentuk huruf Ha (݂) membuatkan sebahagian peserta keliru jika tidak memahami bentuk huruf dengan baik.

1.3.6 Keliru dengan huruf Jim (݁)

Keliru dengan bentuk huruf Jim (݁) yang berubah bentuknya terutama apabila bersambung dengan huruf Ya (݃) atau huruf Lam (݄). Contohnya kalimah ﴿بِجَذْكَ﴾ dalam surah ad-Dhuha ayat 6. Ada sebahagian peserta yang menyangka huruf Jim (݁) itu adalah huruf Ba (݂) kerana mempunyai titik

satu di bawah.

1.3.7 Keliru dengan huruf Kaf (ك)

Keliru dengan bentuk huruf Kaf (ك) yang berbeza bentuk pada awal, tengah dan akhir. Ada sebahagian peserta yang keliru dan ingin membacanya sebagai Hamzah (ء) kerana melihat bentuk huruf Hamzah ditengah. Contohnya pada kalimah يُكَيْدِبُك dalam surah at-Tin ayat 7 dan kalimah أَلْحَمَيْنَ pada ayat 8. Ketiga-tiga bentuk huruf Kaf ini kelihatan berbeza dan peserta menjadi keliru jika tidak memahami bentuk huruf dengan baik.

1.3.8 Keliru dengan huruf Mim (م)

Kekeliruan ini juga terjadi pada huruf Mim (م) kerana mempunyai bentuk yang pelbagai mengikut kedudukannya. Contohnya pada kalimah هُمْ dan dalam surah al-Ma'un ayat 5 dan kalimah وَيَنْعُونَ pada ayat 7. Perbezaan huruf Mim (م) yang pelbagai bentuk menjadi peserta keliru jika tidak memahami bentuk huruf dengan baik.

1.3.9 Keliru antara huruf Ya (ي) dan Alif Maqsuroh (ى)

Berdasarkan pemerhatian, kebanyakan peserta keliru bagi membezakan antara huruf Ya (ي) dan Alif Maqsuroh (ى) kerana secara visual kedua-dua huruf ini kelihatan jelas bentuknya namun peserta perlu mempelajari petanda-petanda bagi membezakan kedua-dua huruf ini. Berikut adalah beberapa contoh kalimah yang mempunyai huruf Ya (ي) dan Alif Maqsuroh (ى) yang ditekankan di dalam kelas.

Jadual 1: Contoh kalimah yang mempunyai huruf Ya (ي) dan Alif Maqsuroh (ى)

| Kalimah | Dibaca sebagai Ya (ي) | Dibaca sebagai Alif Maqsuroh (ى) | Petanda-petanda | Surah/Ayat |
|-------------|-----------------------|----------------------------------|---|----------------|
| وَالصَّحْدِ | / | | Kod tangan Alif Maqsuroh pada akhir kalimah dan huruf sebelumnya berbaris atas/fathah | Ad-Dhuha: 1 |
| فَتَرَضَّى | / | | Kod tangan Alif Maqsuroh pada akhir kalimah dan huruf sebelumnya berbaris atas/fathah | Ad-Dhuha: 5 |
| فَهَدَى | / | | Kod tangan Alif Maqsuroh pada akhir kalimah dan | Ad-Dhuha: 7 |

| | | | |
|-----------|---|--|---------------|
| أَدْرِيكٌ | / | huruf sebelumnya berbaris atas/fathah Kod tangan Alif Maqsuroh yang berada ditengah kalimah | Al-Qard: 2 |
| الَّذِي | / | Kod tangan Ya pada akhir kalimah dan huruf sebelumnya berbaris bawah/kasrah | Al-Insyirah:3 |
| الَّذِي | / | Kod tangan Ya pada akhir kalimah dan huruf sebelumnya berbaris bawah/kasrah | Al-'Alaq:4 |
| هُنَّ | / | Huruf Ya yang berbaris atas | Al-Qard:5 |
| وَلِيٰ | / | Huruf Ya yang berbaris atas | Al-Kafirun:6 |

1.3.10 Keliru antara huruf Hamzah (ء) dan Hamzah atas Alif Maqsuroh (ئ)

Terdapat sebahagian peserta yang keliru dengan huruf Hamzah (ء) dan Hamzah atas Alif Maqsuroh (ئ). Melalui pemerhatian, mereka agak teragak-agak hendak mengisyaratkan sama ada huruf Hamzah (ء) atau Hamzah atas Alif Maqsuroh (ئ). Tambahan, ada juga yang keliru tentang huruf Hamzah di atas Waw (ؤ) dan Hamzah yang tidak mempunyai rumah. Berikut adalah beberapa contoh kalimah yang mempunyai huruf Hamzah (ء) dan Hamzah atas Alif Maqsuroh (ئ) yang selalu menjadi kekeliruan di kalangan peserta.

Jadual 2: Contoh kalimah yang mempunyai huruf Hamzah (ء) dan Hamzah atas Alif Maqsuroh (ئ)

| Kalimah | Hamzah (ء) | Hamzah atas Alif Maqsuroh (ئ) | Petanda-petanda | Surah/Ayat |
|---------------|------------|-------------------------------|------------------------------------|---------------|
| فَكَاوِي | / | | Huruf Hamzah tidak mempunyai rumah | Ad-Dhuha:6 |
| الْأَفْعَدَةُ | / | | Huruf Hamzah tidak mempunyai rumah | Al-Humazah: 7 |
| عَابِلٌ | | / | Huruf Hamzah yang mempunyai rumah | Ad-Dhuha:8 |
| السَّائِلُ | | / | Huruf Hamzah yang mempunyai rumah | Ad-Dhuha:10 |
| الْمَلَكَةُ | | / | Huruf Hamzah yang mempunyai rumah | Al-Qadr:4 |

1.3.11 Keliru antara huruf Lam Alif (ل)

Di dalam kelas Online TTS, huruf Lam Alif (ل) akan dibaca satu per satu iaitu isyarat huruf Lam (ل) dan Alif (ا) walaupun huruf Lam Alif itu sendiri mempunyai isyarat yang khusus. Akan tetapi, sebagai permulaan peserta dilatih secara asas bagi memudahkan mereka mempelajari Quran. Melalui pemerhatian, peserta tiada masalah apabila membaca Lam Alif (ل), tetapi terdapat kekeliruan sekiranya huruf Lam (ل) bersambung dengan Hamzah atas Alif (ء), Hamzah bawah Alif (ء) dan Hamzah (ء) diantara Lam (ل) dan Alif (ا). Berikut adalah beberapa contoh kalimah yang selalu menjadi kekeliruan di kalangan peserta.

Jadual 3: Contoh kalimah yang mempunyai huruf Lam (ل) bersambung dengan Hamzah atas Alif (ء), Hamzah bawah Alif (ء) dan Hamzah (ء) diantara Lam (ل) dan Alif (ا)

| Kalimah | Huruf Lam (ل) + Hamzah atas Alif (ء) | Huruf Lam (ل) + Hamzah bawah Alif (ء) | Huruf Hamzah (ء) diantara Lam (ل) dan Alif (ا) | Surah/Ayat |
|-------------|--|--|--|-------------------|
| الْمَيْنَ | / | | | Ad-Dhuha: 6 |
| الْإِنْسَنَ | | / | | Al- Humazah: 7 |
| وَلَلآخرة | | | / | Ad- Dhuha:8 |

1.3.12 Keliru antara huruf Mim (م) dan ‘Ain (ع)

Keliru antara bentuk huruf Mim (م) dan ‘Ain (ع) yang hampir sama semasa kedudukannya ditengah. Contohnya pada kalimah أَصَدُ dalam surah al-Ikhlas ayat 2 dan kalimah أَلْهَقَهُ dalam surah al-Falaq ayat 4. Kedua-dua bentuk ini kelihatan hampir sama sekiranya tidak melihat dengan terperinci.

1.3.13 Keliru antara huruf Fa (ف) dan Ghayn (غ)

Kekeliruan ini juga melibatkan huruf Fa (ف) dan Ghayn (غ) yang mempunyai bentuk yang hampir sama seperti huruf huruf Mim (م) dan ‘Ain (ع) semasa kedudukannya ditengah. Contohnya, kalimah وَاسْتَغْفِرُهُ dalam surah al-Nasr pada ayat 3. Kedua-dua bentuk ini kelihatan hampir sama sekiranya tidak melihat dengan terperinci.

1.3.14 Keliru antara huruf Tha (ث) dan Shin (ش)

Keliru antara huruf Tha (ث) dan Shin (ش) yang hampir sama bentuk kerana memiliki 3 titik diatas terutamanya apabila kedua-dua huruf ini berada ditengah kalimah. Contohnya, kalimah **لَشَدِيدٌ** dalam surah al-‘Adiyat ayat 8 dengan kalimah **بُعْثَرٌ** pada ayat 9. Kedua-dua bentuk ini kelihatan hampir sama sekiranya tidak melihat dengan terperinci.

1.3.15 Keliru antara huruf Ba (ب) dan Nun (ن)

Kekeliruan ini juga melibatkan huruf Ba (ب), Nun (ن) kerana mempunyai bentuk yang hampir sama terutamanya apabila kedudukan huruf berada ditengah kalimah dan mempunyai jumlah bilangan titik yang sama iaitu satu. Ada sebahagian peserta yang keliru antara satu titik atas bagi huruf Ba dan satu titik bawah bagi huruf Nun. Contohnya, kalimah **لَيْلَبَذَنَّ** dalam surah al-Humazah ayat 4. Kedua-dua bentuk ini kelihatan hampir sama sekiranya tidak melihat dengan terperinci.

1.3.16 Keliru antara huruf Ta (ت) dan Ya (ي)

Kekeliruan ini juga melibatkan huruf Ta (ت) dan Ya (ي) kerana mempunyai bentuk yang hampir sama terutamanya apabila kedudukan huruf berada ditengah kalimah dan mempunyai jumlah bilangan titik yang sama iaitu dua. Ada sebahagian peserta yang keliru antara dua titik atas bagi huruf Ta dan dua titik bawah bagi huruf Ya. Contohnya, kalimah **وَالْتَّيْنِ** dalam surah at-Tin ayat 1. Kedua-dua bentuk ini kelihatan hampir sama sekiranya tidak melihat dengan terperinci.

1.4 Kekeliruan dengan Kaedah Fakih

Selain daripada KTQ, terdapat kaedah lain bagi OKU Pekak untuk membaca Quran seperti Kaedah Fakih. Kaedah Fakih merupakan kaedah menggunakan kod tangan Hijaiyyah dengan membuat simbol huruf untuk membaca al-Quran. Kaedah ini melibatkan pergerakan tangan bagi membentuk simbol huruf hijaiyyah tersebut. Terdapat sebahagian daripada peserta yang sudah biasa dengan kaedah ini dan keliru dengan bentuk KTQ. Melalui pemerhatian, apabila mereka telah mengisyaratkan huruf menggunakan Kaedah Fakih, mereka sendiri tersedar dan akan menyatakan apa yang diisyaratkan itu salah kerana di dalam kelas Online TTS mereka sedia maklum bahawa kaedah KTQ yang ditekankan.

1.5 Kekeliruan untuk menjarakkan kalimah Quran

Dalam memisahkan antara dua kalimah, peserta akan mengisyaratkan isyarat ‘jarak atau space’ untuk menunjukkan kalimah pertama dan kalimah yang seterusnya. Namun begitu, ada diantara mereka keliru untuk mengenalpasti kalimah-kalimah dalam ayat Quran. Hal ini mungkin disebabkan mereka tidak mengetahui makna kalimah tersebut atau kedudukan kalimah itu sendiri menimbulkan kekeliruan kepada mereka. Melalui pemerhatian, antara kalimah yang mereka keliru seperti;

1.5.1 Kalimah (مَا لَهُ) dalam Surah al-Masad (111:2)

Melalui kalimah (مَا لَهُ), sebahagian mereka menganggap ini adalah dua kalimah yang berbeza kerana kedudukan kalimah ini dilihat agak jauh sedikit di dalam mashaf seolah-olah menyerupai dua kalimah iaitu kalimah (مَا) dan kalimah (لَهُ) kerana tidak bersambung. Sedangkan ini merupakan satu kalimah yang membawa maksud ‘hartanya’.

1.5.2 Kalimah (مَا وَدَعَكَ) dalam Surah ad-Dhuha (93:3)

Melalui kalimah (مَا وَدَعَكَ), sebahagian mereka menganggap ini adalah satu kalimah kerana kedudukan dua kalimah ini dilihat sangat rapat di dalam mashaf khususnya pada cetakan lama mashaf Rasm Uthmani dan Quran Majid seolah-olah menyerupai satu kalimah, iaitu kalimah (مَا) dan kalimah (وَدَعَكَ). Sedangkan kedua-dua kalimah ini membawa maksud yang berbeza iaitu ‘tidak’ dan ‘meninggalkan kamu’.

1.5.3 Kalimah (أَوْ أَمَرَ) dalam Surah al-‘Alaq (96:12)


Melalui kalimah (أَوْ أَمَرَ), sebahagian mereka menganggap ini adalah satu kalimah kerana kedudukan dua kalimah ini di dalam mashaf khususnya pada cetakan lama mashaf Rasm Uthmani dan Quran Majid dilihat sangat rapat seolah-olah menyerupai satu kalimah, iaitu kalimah (أَوْ) dan kalimah (أَمَرَ). Sedangkan kedua-dua kalimah ini membawa maksud yang berbeza iaitu ‘atau’ dan ‘dia menyuruh’.

1.6 Kekeliruan dengan sebahagian sebutan huruf hijaiyyah

Bagi peserta yang mempunyai baki suara, ada sebahagian mereka keliru dengan sebutan huruf hijaiyyah yang memiliki ciri bentuk tangan yang sama dengan huruf Roman atau nombor. Kebiasaannya, mereka lebih lazim dengan sebutan huruf Roman atau nombor berbanding dengan sebutan huruf hijaiyyah. Contohnya seperti gambar rajah dibawah;

Jadual 4: Contoh bentuk isyarat huruf hijaiyyah yang mempunyai persamaan dengan isyarat huruf Roman atau nombor

| Bentuk isyarat | Isyarat huruf hijaiyyah | Isyarat huruf Roman/nombor |
|---|-------------------------|----------------------------|
|  | ب | 1 |
|  | ت | U |



2. Penggunaan mashaf Quran yang berbeza

Penggunaan mashaf Quran yang berbeza juga memberi cabaran kepada peserta termasuk juga fasilitator sendiri. Ini kerana penggunaan Quran yang berbeza juga boleh menimbulkan salah faham kepada peserta. Melalui pemerhatian, kebanyakan peserta menggunakan Quran Majid yang ditashih oleh Lajnah Pentashih Mashaf Quran Kementerian Agama Republik Indonesia. Selain itu, terdapat juga peserta yang menggunakan mashaf Uthmani cetakan yang lama pada tahun 2014 ke bawah. Terdapat beberapa perbezaan yang membuatkan peserta keliru seperti contoh;

2.1 Kekeliruan tentang perbezaan nama surah

Semasa sesi pertama, terdapat juga peserta yang keliru tentang penggunaan nama surah yang berbeza. Melalui pemerhatian, apabila tenaga pengajar meminta peserta mencari surah yang akan dipelajari, sebahagian mereka menyatakan tidak jumpa surah tersebut dan menanyakan semula muka surat surah yang dimaksudkan. Misalnya, surah al-Masad dan surah al-Insyirah. Hal ini kerana sebahagian mereka ada yang menggunakan Quran Majid yang menggunakan nama al-Lahab bagi surah al-Masad dan al-Syarh bagi surah al-Insyirah. Selain itu, terdapat juga Quran terbitan Kementerian dalam Negeri (KDN), Malaysia 2014 ke bawah yang masih menggunakan nama al-Syarh bagi surah al-Insyirah. Hal ini memerlukan tenaga pengajar menerangkan bahawa kandungan surah itu sama walaupun mempunyai nama yang berbeza.

2.2 Kekeliruan tentang penulisan rasm dan dabit

Di dalam kelas Online TTS tidak menekankan tentang hukum tajwid kerana tidak melibatkan baris dan bunyi. Walaupun begitu, penggunaan Quran yang berbeza boleh menimbulkan kekeliruan kerana peserta lebih tertumpu kepada visual ayat Quran itu sendiri. Antara kekeliruan berikut seperti;

2.2.1 Kekeliruan dengan penulisan huruf Hamzah

Melalui pemerhatian, sebahagian peserta ramai keliru dengan penulisan huruf Hamzah Qatha' dan Hamzah Wasol dalam Quran Majid yang tidak sama cara penulisannya dengan Quran Rasm Uthmani. Bagi Hamzah Qatha' pada Mushaf Rasm Uthmani ditandai dengan hamzah (ء) pada huruf Alif. Jika Alif berbaris fathah dan dhammad, maka Hamzah (ءء) di atas, tetapi jika Alif berbaris

kasrah, maka huruf Hamzah (ء) di bawah alif. Manakala, bagi Quran Majid tidak ditandakan dengan huruf Hamzah. Contoh seperti jadual dibawah:

Jadual 5: Perbezaan penulisan huruf hamzah antara Quran Majid dan Rasm Uthmani

| Surah/Ayat | Quran Majid | Quran Rasm Uthmani |
|----------------------|--|--|
| Surah an-Nas:114:1 | قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ ﴿١﴾ | قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ ﴿١﴾ |
| Surah an-Nas:114:3 | إِلَهُ النَّاسِ ﴿٣﴾ | إِلَهُ النَّاسِ ﴿٣﴾ |
| Surah ad-Dhuha: 93:4 | وَلَلَاخِرَةُ خَيْرٌ لَكَ مِنَ الْأُولَى ﴿٤﴾ | وَلَلَاخِرَةُ خَيْرٌ لَكَ مِنَ الْأُولَى ﴿٤﴾ |

Manakala, bagi *Hamzah Wasol*, ada sebahagian peserta ingat perlu isyarat huruf Sad (ص) kerana terdapat tanda seperti kepala huruf Sad (ص) di atas alif. Tambahan, ada juga yang keliru di antara penulisan Quran Majid yang tidak mempunyai tanda *Hamzah Wasol* berbanding dengan Mushaf Rasm Uthmani. Contoh seperti jadual dibawah:

Jadual 6: Perbezaan penulisan huruf hamzah wasol antara Quran Majid dan Rasm Uthmani

| Surah/Ayat | Quran Majid | Quran Rasm Uthmani |
|--------------------|-----------------------------------|-----------------------------------|
| Surah an-Nas:114:1 | قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ ﴿١﴾ | قُلْ أَعُوذُ بِرَبِّ النَّاسِ ﴿١﴾ |

2.2.2 Kekeliruan dengan kaedah al-Hazf (buang)

Kaedah al-Hazf adalah salah satu kaedah daripada prinsip Rasm Uthmani. Al-Hazf adalah membuang atau menggugurkan huruf-huruf hijaiyyah tertentu dalam struktur kalimah tertentu dalam al-Quran. Huruf-huruf tersebut ialah alif (ا), waw (و), ya (ي), lam (ل) dan nun (ن). Namun begitu, bagi peserta yang menggunakan Quran Majid terdapat kekeliruan untuk membacanya kerana huruf tersebut masih dikekalkan. Contoh perbezaannya seperti jadual dibawah;

Jadual 7: Perbezaan penulisan kaedah al-Hazf antara Quran Majid dan Rasm Uthmani

| Surah/Ayat | Quran Majid | Quran Rasm Uthmani |
|----------------------|-------------------------------------|-------------------------------------|
| Surah al-'Asr: 103:2 | إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي حُسْنٍ ﴿٢﴾ | إِنَّ الْإِنْسَانَ لَفِي حُسْنٍ ﴿٢﴾ |

Kalimah ini tiada pembuangan huruf alif pada struktur kalimah dalam Mashaf Quran Majid. Penulisan sebegini hanya boleh dibaca dengan satu bentuk bacaan (wajah qira'ah) sahaja. Dalam Mashaf Rasm Uthmani, kalimah ini ditulis tanpa huruf alif. Ini bagi membolehkan dibaca mengikut pelbagai bentuk bacaan (wajah qira'ah) mutawatirah yang dibenarkan seperti riwayat Qalun.

2.2.3 Kekeliruan kalimah Mad Badal

Mad Badal adalah asalnya dua huruf hamzah terhimpun dalam satu kalimah, hamzah pertama berbaris, hamzah kedua bertanda sukun, kemudian huruf hamzah kedua ditukarkan kepada huruf mad mengikut baris huruf hamzah yang pertama. Melalui pemerhatian, peserta yang menggunakan Quran Majid sedikit keliru dengan cara penulisan yang tidak mempunyai tanda hamzah. Contohnya seperti dalam surah at-Tin ayat 6;

Jadual 8: Perbezaan penulisan kalimah Mad Badal antara Quran Majid dan Rasm Uthmani

| Quran Majid | Quran Rasm Uthmani |
|--|--|
| <u>إِلَّا الَّذِينَ أَمْنُوا وَعَمِلُوا الصَّلِحَاتِ فَلَهُمْ أَجْرٌ غَيْرُ</u> <u>مَمْنُونٍ</u> ① | <u>إِلَّا الَّذِينَ عَمِنُوا وَعَمِلُوا الصَّلِحَاتِ فَلَهُمْ أَجْرٌ غَيْرُ</u> <u>مَمْنُونٍ</u> ① |
| Mashaf Quran Majid menggunakan alif berharakat dhammah atau kasrah untuk Mad Badal. Bagi yang berharakat fathah menggunakan alif kecil di atas alif. | Mashaf Quran Rasm Uthmani menggunakan tanda hamzah di setiap alif, sama ada berharakat dhammah atau kasrah. Bagi yang berharakat fathah, menggunakan tanda hamzah kemudian baru diikuti dengan Alif Mad. |

2.2.4 Kekeliruan kalimah Mad Jaiz Munfashil

Mad Jaiz Munfashil ialah huruf mad (huruf alif, wau atau ya') yang bertemu dengan huruf hamzah dalam dua kalimah. Walaupun peserta tidak didedahkan dengan hukum tajwid seperti bacaan panjang kerana tidak melibatkan baris dan visual, tetapi ada sebahagian peserta yang keliru kerana secara visualnya kalimah Mad Jaiz Munfashil ini berbeza dengan cara penulisannya bagi kedua-dua mashaf. Contoh seperti dalam surah al-Kauthar ayat 1;

Jadual 9: Perbezaan penulisan kalimah Mad Jaiz Munfashil antara Quran Majid dan Rasm Uthmani


| Quran Majid | Quran Rasm Uthmani |
|--|--|
| <u>إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ</u> ① | <u>إِنَّا أَعْطَيْنَاكَ الْكَوْثَرَ</u> ① |
| Mashaf Quran Majid menggunakan tanda alif. | Mashaf Quran Rasm Uthmani menggunakan tanda hamzah di atas alif. |

2.2.5 Kekeliruan dengan kedudukan surah

Dari segi kedudukan surah terdapat sedikit perbezaan dari segi susunan khususnya pada permulaan ayat dan akhir surah pada muka surat yang tertentu. Walau bagaimanapun dari segi jumlah bilangan muka surat adalah sama. Seperti contoh, terdapat perbezaan susunan ayat dalam cetakan terkini Quran Rasm Uthmani tahun 2014 ke atas dan cetakan Quran Rasm Uthmani pada tahun 2010 pada surah al-'Adiyat seperti rajah dibawah;



Rajah 4: Cetakan terkini Quran Rasm Uthmani tahun 2014 ke atas menunjukkan surah al-'Adiyat ayat 1 hingga 5 pada muka surat 599. Dan sambungan ayat 6 hingga 11 pada muka surat 600.



Rajah 5: Cetakan Quran Rasm Uthmani pada tahun 2010 menunjukkan surah al-'Adiyat ayat 1 hingga 9 pada muka surat 599. Dan sambungan ayat 10 hingga 11 pada muka surat 600.

3. Gangguan capaian internet

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk membendung wabak Covid-19 melihatkan capaian internet yang berkualiti merupakan antara cabaran kepada proses pembelajaran atas talian bagi peserta. Perkara ini tidak dapat dinafikan kerana memandangkan tempoh PKP, semua lapisan masyarakat mempunyai kebergantungan yang tinggi terhadap capaian internet. Tambahan, faktor seperti hujan lebat, tinggal di kawasan pendalam juga membantutkan peluang mereka untuk belajar dengan keadaan yang lebih baik.

4. Kekangan masa

Dari segikekangan masa, terdapat sebahagian peserta yang kerja semasa waktu kelas Online TTS berlangsung. Ini kerana pada Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2.0, sektor ekonomi tidak tutup sepenuhnya berbanding dengan PKP 1.0 di mana sektor ekonomi di tutup sepenuhnya yang mengakibatkan ramai yang kehilangan pekerjaan dan duduk di rumah. Tambahan, ada sebahagian peserta yang mengalami keletihan dan memerlukan rehat pada siang hari kerana penat bekerja pada syif malam. Selain tu, ada juga sebahagian mereka yang sibuk menguruskan keperluan anak-anak dan rumah tangga. Namun begitu, peserta boleh mengulang kaji setiap pengisian kelas Online TTS melalui rakaman-rakaman yang telah dimuat naik menerusi Youtube.

5. Keterbatasan komunikasi dengan fasilitator

Selepas sesi pertama iaitu Talaqqi dan Mashafahah Online TTS tamat, peserta dan fasilitator akan memilih waktu yang sesuai untuk mengadakan ulangkaji. Namun begitu, terdapat diantara fasilitator yang masih baru mempelajari bahasa isyarat. Kesan daripada itu, wujud salah faham diantara fasilitator dan peserta yang memerlukan bantuan fasilitator lain yang lebih mahir untuk melancarkan keperluan komunikasi di dalam kelas.

6. Peranti yang terhad

Melalui pemerhatian, kebanyakkan peserta tidak memiliki peranti bersesuaian bagi membolehkan mereka mengikuti pembelajaran dengan lebih berkesan. Majoriti mereka menggunakan telefon bimbit yang mempunyai skrin yang kecil berbanding dengan komputer riba yang memiliki saiz yang lebih besar dan lebih jelas. Tambahan, mereka mempunyai hanya satu sahaja peranti sahaja yang menyukarkan mereka untuk fokus di dalam kelas sekiranya ada orang yang telefon, mesej dan sebagainya.

3. PENGHARGAAN

Pengkaji ingin mengucapkan jutaan terima dan sekalung penghargaan kepada Konsortium Kecemerlangan Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum – Emansipasi Pengajaran dan Pembelajaran Quran bagi OKU: (USIM/KKP-102/ISI/FPQS/LUAR-K/44120), Pusat Penyelidikan Ibnu Ummi Maktum, Institut Sains Islam, USIM dan Yayasan Pendidikan al-Quran bagi Anak Istimewa (Yayasan FAQEH) kerana memberi ruang dan peluang bagi menjalankan kajian ini.

4. KESIMPULAN

Secara keseluruhan, terdapat enam cabaran utama yang dihadapi oleh OKU Pekak sepanjang Online TTS berlangsung iaitu kelemahan menguasai kemahiran Kod Tangan Quran (KTQ), penggunaan mashaf Quran yang berbeza, gangguan capaian internet,kekangan masa, keterbatasan komunikasi dengan fasilitator dan peranti yang terhad. Antara cadangan penampaikan Online TTS ini adalah memberi pendedahan dan penekanan awal KTQ khususnya perubahan bentuk huruf pada setiap kedudukan sama ada di awal, di tengah mahupun di hujung sebelum memulakan tilawah Quran supaya mereka mempunyai asas pengetahuan tentang KTQ. Selain itu, penggunaan mashaf Quran antara fasilitator dan peserta perlu menggunakan Quran yang sama supaya tidak menimbulkan salah faham di dalam kelas. Penggunaan mashaf Quran yang mempunyai cop pengesahan Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan dicetak pada tahun 2014 ke atas adalah sesuai digunakan. Infak Quran bagi peserta yang tidak berkemampuan sangat perlu dan bagus untuk diadakan. Penyediaan rakaman, nota dan latihan memudahkan peserta boleh mengakses bila-bila masa yang diperlukan. Bagi mengurangkan jurang komunikasi antara peserta dan fasilitator, kursus latihan bahasa isyarat perlu diberikan lebih awal sebelum penganjuran program. Diharapkan kelas Online TTS mencetuskan pengalaman baharu buat komuniti OKU Pekak di Malaysia dalam mempelajari proses asas kemahiran Quran dan menambahkan rasa kasih mereka terhadap mukjizat Allah ini.

RUJUKAN

Al-Quran

Ahmad Ibn Hanbal Abi Abdullah al-Syaibani (1994), Musnad Ahmad, Beirut: Dar Ahya al-Kutub al-Arabiyyah

Ahmad Sanusi Azmi (2021), Hadis 40 tentang OKU, Yayasan Magfirah.

Norakyairee, M., & Nurutthoilah, M. (2017). Model dan Kurikulum Pendidikan al-Quran Holistik bagi OKU. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*.

Siti Ramna, K., & Nurul Asiah Fasehah, M. (2021). Keberkesanan Kaedah Tahfiz Akhyar dalam Meningkatkan Tahap Penguasaan Hafazan Quran bagi Remaja Pekak. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*.

Syar Meeze, M., Mohd Hanafi, M., & Noraiddah , S. (2017, November). Penggunaan Bahasa Isyarat Malaysia di dalam Terjemahaman Maksud Surah al-Fatihah. *Gema Online: Journal of Language Studies*, 17(4), 209-224.

Siti Ramna Khamaruddin (Coresponding Author)
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah,
Universiti Sains Islam Malaysia,
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.
Email: amnamuhammad94@gmail.com

Nurul Asiah Fasehah Muhamad
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah,
Universiti Sains Islam Malaysia,
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.
Email: nurulasiahfasehah@usim.edu.my

Norakyairee Mohd Raus
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah,
Universiti Sains Islam Malaysia,
71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.
Email: norakyairee@usim.edu.my